

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI - DAP]

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN (NO. 69)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah ahli-ahli sukan, jurulatih, pegawai-pegawai dan penasihat tempatan dan luar negara mengikut persatuan sukan, tempoh perkhidmatan mereka dan perbelanjaan yang terlibat mengikut pecahan gaji dan emolument serta perbelanjaan mengurus persatuan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat mengenai statistik dan perbelanjaan yang terlibat mengikut pecahan gaji dan emolomen bagi ahli-ahli sukan, jurulatih, pegawai-pegawai dan penasihat tempatan dan luar negara mengikut sukan di bawah Majlis Sukan Negara untuk tahun 2014 adalah seperti berikut :-
 - i. Untuk Pegawai / Penasihat Tempatan dan Luar Negara seramai 3 orang telah dilantik iaitu Pengarah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (1), Pengarah Teknikal Olahraga (1) dan Jurulatih Pembimbing Program Pembangunan Bola Sepak Negara (1) serta seramai 6 orang Pegawai Penyelaras Sukan bagi tempoh perkhidmatan 1 hingga 2 tahun dengan jumlah keseluruhan emolomen sebulan berjumlah RM106,752.37.
 - ii. Bagi jawatan Jurulatih Luar Negara seramai 67 orang dari 17 jenis sukan telah ditawarkan berkhidmat dengan purata tempoh perkhidmatan antara 1 tahun hingga 2 tahun dengan jumlah keseluruhan emolomen sebulan berjumlah RM496,855.20.
 - iii. Untuk Jurulatih Sepenuh masa pula, seramai 159 orang dari 23 jenis sukan bagi purata perkhidmatan 1 hingga 2 tahun dengan jumlah keseluruhan emolomen sebulan berjumlah RM686,862.81.

SULIT

- iv. Selain itu, seramai 12 orang Jurulatih Sambilan dari 3 jenis sukan iaitu memanah, olahraga dan ping pong bagi tempoh perkhidmatan 1 tahun dengan jumlah keseluruhan gaji sebulan berjumlah RM7,550.00.
 - v. Manakala untuk atlet kebangsaan yang disenaraikan dalam program latihan sedia ada, seramai 452 orang atlet dari 23 jenis sukan dengan tempoh latihan antara 1 tahun hingga 2 tahun dengan jumlah keseluruhan pembayaran elaun latihan berjumlah RM422,380.00 sebulan. Atlet-atlet tersebut menerima elaun latihan antara RM300 hingga RM5,000 sebulan.
2. Sehingga 3 Jun 2014, jumlah keseluruhan perbelanjaan gaji atau emolumen dan elaun latihan pada ahli-ahli sukan, jurulatih tempatan dan luar negara, pegawai penasihat tempatan dan luar negara mengikut sukan serta tempoh perkhidmatan yang telah ditetapkan melibatkan 688 orang adalah berjumlah RM1,720,400.38 sebulan.

Sekian, terima kasih.